



LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT 2016



SIDANG REDAKSI

EDITORIAL BOARD

PENASIHAT/ ADVISOR

Dato' Sri Zainal Rahim Seman

KETUA EDITOR/ HEAD EDITOR

Mohd Shahabuddin Omar

EDITOR/ EDITOR

Burhan Mat Sum
Rohada Zainudin
Muhabir bin Ibrahim
Rohana Abdul Rahman
Nazmiyah Jamaludin
Nor Kamila Kamaruzaman
Mohd Hasiady Yasin
Mazlomi Inurul Akmar Mohd Nor
Junot Jaulah
Nurnadia Zainal Abidin
Ahmad Fairuz Ahmad
Ainnuddin Ja'far

PENOLONG EDITOR/ ASSISTANT EDITOR

Amy Lisa Pajuri@Bajuri
Jenny Rayapan
Ros Afida Abu Kassim
Noor Asmah Mohd Sharaffudin

PEREKA GRAFIK/ GRAPHIC DESIGNER

Mazura Ahmad
Aliana Aqilah Binti Mat Akhir

JURUFOTO/ PHOTOGRAPHER

Syaiful Farizal Mohd Nor Azmi

KANDUNGAN

CONTENTS

01

Sorotan
Kecemerlangan
Highlights

02

Maklumat Korporat
Corporate Info

03

Profil Kepimpinan
Leadership Profile

04

Inisiatif Utama
Main Initiatives

05

Jalinan Kerjasama
*Result Through
Partnership*

06

MAMPU bersama
Media
*MAMPU With The
Media*

07

MAMPU Di Persada
Global
MAMPU Going Global

08

Jalinan Warga
Happy@MAMPU

09

Lensa
At A Glance

MUHAMMAD NASIR
ANA MENTERI

ISEMBER 2016 (

GRAND BALLRO

RD T PU

EN

EN

EN

EN

EN



01

*Sorotan
Kecemerlangan
Highlights*

01

12 Januari 2016

Program Kesedaran
Dasar dan Garis
Panduan ICT Sektor
Awam

12 January 2016

*Public Sector ICT
Policy and Guidelines
Awareness Programme*



21 Januari 2016

Amanat Tahun Baharu
YB Datuk Joseph
Entulu Belaun, Menteri
di Jabatan Perdana
Menteri

21 January 2016

*New Year Mandate by
YB Datuk Joseph Entulu
Belaun, Minister in Prime
Minister's Department*

02



17 Februari 2016

Seminar Galeri Aplikasi
Mudah Alih Kerajaan
Malaysia (GAMMA)

17 February 2016

*Seminar on Gallery of
Malaysian Government
Mobile Applications
(GAMMA)*

2-3 Februari 2016

Bengkel Rangka Kerja
Government Public Key
Infrastructure (GPKI) 2.0

2-3 February 2016

*Workshop on Government
Public Key Infrastructure
(GPKI) 2.0 Framework*



03

4 Mac 2016

Majlis Menandatangani
Perundingan Projek
1 Government Financial
and Management
Accounting System
(1GFMAS) antara
MAMPU dengan Jabatan
Akauntan Negara (JANM)

4 March 2016

*1 Government Financial
and Management
Accounting System
(1GFMAS) Consulting
Project Signing Ceremony
between MAMPU and
Accountant General's
Department*



10 Mac 2016

Bengkel Architecture
Visioning Projek
Pembangunan
Enterprise Architecture
(EA) Sektor Awam
(1GOVEA) Fasa 1

10 March 2016

*Workshop on
Architecture Visioning
of Public Sector
Enterprise Architecture
Development Project,
Phase 1 (1GOVEA)*

14-15 Mac 2016

Pembangunan Garis
Panduan Organisasi
Berprestasi Tinggi
(High Performance
Organisation – HPO)

14-15 March 2016

*Development on
High Performance
Organisation (HPO)
Guidelines*

Sorotan Kecemerlangan Highlights

04



11 April 2016

Mesyuarat Agung Ahli Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM)

11 April 2016

Commonwealth Association for Public Administration and Management General Members Meeting (CAPAM GMM)

05

10 Mei 2016

Seminar Penambahbaikan Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan 2016

10 May 2016

Seminar to Improve Government ICT Procurement Guidelines 2016

18 Mei 2016

Mini Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) MAMPU Tahun 2016

18 May 2016

MAMPU Innovative and Creative Group Mini Convention 2016

18 Mei 2016

Mesyuarat Khas Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Sektor Awam

18 May 2016

Public Sector Chief Information Officer (CIO) Special Meeting

06

1 Jun 2016

Ceramah Eksekutif: Strategi Lautan Biru Kebangsaan: Mentransformasikan Negara

1 June 2016

Executive Talk: Blue Ocean Strategy: Transforming The Nation

14 Jun 2016

Forum Awam Data Terbuka

14 June 2016

Public Open Data Forum

14 Jun 2016

Taklimat Penggunaan Garis Panduan Independent Verification and Validation (IVV) Kepada Sektor Awam

14 June 2016

Briefing to Public Sector on Independent Verification and Validation (IVV) Guidelines

23 Jun 2016

Majlis Pelancaran Portal MalaysiaBiz

23 June 2016

MalaysiaBiz Portal Launching Ceremony

07

19 Julai 2016

Sesi Pembentangan Laporan Kajian Pelaksanaan Program Berimpak Tinggi 1 Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME HIP 1) Di Negeri Sabah

19 July 2016

Presentation Session Small Medium Enterprise High Impact Programme 1 (SME HIP1) Implementation Study Report in Sabah



08

2 Ogos 2016

Penyerahan Buku Panduan Independent Verification and Validation (IVV) Kepada MAMPU

2 August 2016

Official Handover of Independent Verification and Validation (IVV) Guide Book to MAMPU

15-20 Ogos 2016

Persidangan Dwi-tahunan Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM) Tahun 2016 dan 6th Ministers for Public Service Biennial Forum

15-20 August 2016

Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM) 2016 Biennial Conference and 6th Ministers for Public Service Biennial Forum

09



28 September 2016

Bengkel Peningkatan App Generator (AppGen)

28 September 2016

Workshop to Improve App Generator (AppGen)

10

5-7 Oktober 2016

Bengkel Indeks SSR Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

5 - 7 October 2016

SSR Index Programme for Sabah State Secretary office

25-27 Oktober 2016

Program 48 Jam Hackathon Data Terbuka Sektor Awam 2016

25-27 October 2016

48 Hours Public Sector Open Data Hackathon Programme 2016



Sorotan Kecemerlangan Highlights

11



2 November 2016

Program Penilaian Kesiediaan Data Terbuka (Open Data Readiness Assessment – ODRA)

2 November 2016

Open Data Readiness Assessment (ODRA) Programme

22-23 November 2016

CIO Convex Sektor Awam 2016

22-23 November 2016

Public Sector CIO CONVEX 2016

12

6 Disember 2016

Pelancaran SITI@1MOCC, Aplikasi Mudah Alih Tunggal 1MOCC dan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam (PTPA) Bilangan 1 Tahun 2016: Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

6 December 2016

Launching of SITI@1MOCC, Single Mobile Application and Public Administrative Transformation Circular, No 1 of 2016: Cultivating and Strengthening Innovation in the Public Sector through New Horizon of the Innovative and Creative Group

15 Disember 2016

Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2016 dan Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam 2016

15 December 2016

Prime Minister's Innovation Award 2016 and Public Sector Innovation Award 2016

20 Disember 2016

Majlis Menandatangani Nota Kerjasama Perkhidmatan Pusat Data Sektor Awam (PDSA) Enstek Antara MAMPU dan Kementerian Pendidikan Malaysia

20 December 2016

Memorandum of Cooperation Signing Ceremony of ENSTEK Public Sector Data Centre Service between MAMPU and Ministry of Education of Malaysia

02

Maklumat Korporat
Corporate Info



Misi Mission

MEMPERKASAKAN TRANSFORMASI
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM
MELALUI PENGURUSAN ORGANISASI
DAN ICT YANG INOVATIF DAN STRATEGIK
KE ARAH NEGARA MAJU

STRENGTHENING PUBLIC SERVICE
DELIVERY TRANSFORMATION THROUGH
INNOVATIVE AND STRATEGIC
ORGANISATIONAL MANAGEMENT AND
ICT TOWARDS ACHIEVING DEVELOPED
NATION STATUS

Visi Vision

PENERAJU TRANSFORMASI PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN AWAM YANG TERBILANG

SPEARHEADING THE TRANSFORMATION OF
PUBLIC SERVICE DELIVERY TOWARDS DISTINCTION

Moto Motto

BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI
TOGETHER WE TRANSFORM



Peranan Reles

- PENGGERAK DAN AGEN PERUBAHAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM
- *A CATALYST AND CHANGE AGENT IN ADMINISTRATIVE AND MANAGEMENT SERVICES IN THE PUBLIC SERVICE*
- PERANCANG DAN PENERAJU DALAM PEMBANGUNAN ICT SEKTOR AWAM
- *A LEADER IN DEVELOPING ICT FOR THE PUBLIC SECTOR*
- PAKAR RUNDING DALAM PENGURUSAN ORGANISASI DAN ICT SEKTOR AWAM
- *A CONSULTANT IN ORGANISATIONAL MANAGEMENT AND ICT FOR THE PUBLIC SECTOR*
- PEMUDAH CARA BAGI PELAKSANAAN PROGRAM PEMODENAN DAN TRANSFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM
- *A FACILITATOR IN THE IMPLEMENTATION OF MODERNISATION AND TRANSFORMATION PROGRAMMES IN THE PUBLIC SERVICE DELIVERY SYSTEM*
- PENYELIDIK PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN SEKTOR AWAM
- *A RESEARCHER IN ADMINISTRATIVE MODERNISATION AND MANAGEMENT PLANNING FOR THE PUBLIC SECTOR*
- PELAKSANA PROGRAM PROMOSI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN
- *A PROMOTER OF GOVERNMENT SERVICES TO THE PUBLIC*

Teras-teras Strategik Strategic Trusts

- PENGUKUHAN PERANCANGAN PENGURUSAN ORGANISASI YANG BERKESAN
- *STRENGTHENING OF EFFECTIVE ORGANISATIONAL MANAGEMENT PLANNING*
- PENGUKUHAN ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI
- *ENHANCING HIGH PERFORMANCE ORGANISATION*
- PEMANTAPAN BUDAYA PERSAINGAN DAN KECEMERLANGAN
- *STRENGTHENING A CULTURE OF EXCELLENCE AND COMPETITIVENESS*
- PEMUDAH CARA PERNIAGAAN DAN PELANGGAN
- *FACILITATING EASE OF DOING BUSINESS AND CUSTOMER MANAGEMENT*
- PEMANFAATAN ICT DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
- *LEVERAGING ICT IN PUBLIC SERVICE DELIVERY*

KERJA BERPASUKAN **TEAM WORK**

- Mengoptimalkan perkongsian pengetahuan dan pengalaman, maklumat, sumber dan kemudahan serta membudayakan amalan *seamless* dalam melaksanakan tugas harian
- *Optimise the sharing of knowledge, experiences, information, resources and facilities, as well as cultivate seamless practices in implementing daily tasks*

BERILMU **KNOWLEDGEABLE**

- Mengutamakan ilmu dan pembelajaran yang berterusan melalui latihan dan peningkatan kemahiran bagi menjadi modal insan yang cemerlang dan berdaya saing
- *Prioritise for continuous learning and knowledge enhancement through frequent training and skills upgrading to achieve excellence and competitiveness in human capital*

BERINTEGRITI **INTEGRITY**

- Menitikberatkan elemen amanah, kepatutan bekerja, ketelusan, akauntabiliti, bertanggungjawab, keadilan, kecekapan dan mementingkan keberkesanan setiap hasil kerja berasaskan etika kerja cemerlang ketika berkhidmat
- *Emphasise on the elements of trust, sense of urgency, transparency, accountability, responsibility, fairness, efficiency and effectiveness to complete every task based on excellent work ethics*

PROFESIONAL **PROFESSIONAL**

- Bertindak dengan penuh komitmen dan memanfaatkan kompetensi serta kepakaran dalam melaksanakan tugas dan menyelesaikan masalah
- *Act with full commitment and fully utilise competency and expertise in carrying out tasks and problem solving*

RESPONSIF **RESPONSIVE**

- Bertindak dengan pantas dalam membuat keputusan di samping peka terhadap ekspektasi dan kehendak pemegang taruh dan pelanggan dalam setiap perkhidmatan yang diberikan ke arah mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian
- *Act quickly in making decisions, as well as sensitive to the needs and expectations of the stakeholders and customers in every service provided by upholding the principle of people first and performance now*



Sejarah Penubuhan MAMPU The Formation of MAMPU

MAMPU ditubuhkan hasil daripada laporan "Development Administration in Malaysia" oleh Prof. John D. Montgomery dan Milton J. Esman yang memperakukan peningkatan profesionalisme melalui program-program pendidikan dan latihan bagi semua lapisan kakitangan dalam perkhidmatan awam.

Atas cadangan oleh laporan yang sama, Unit Pentadbiran Pembangunan atau Development Administration Unit (DAU) ditubuhkan dalam pengembangan usaha-usaha penambahbaikan pembaharuan pentadbiran kerajaan. DAU kemudiannya dikembangkan menjadi Implementation Coordination and Development Administration Unit (ICDAU) yang berfungsi untuk menyelaraskan pelaksanaan projek-projek pembangunan serta perancangan tenaga manusia.

Selaras dengan perkembangan pentadbiran awam yang pesat dan dinamik, ICDAU kemudiannya telah disusun semula pada tahun 1977. Fungsi pemodenan tadbiran dan perancangan tenaga manusia diambil alih oleh sebuah agensi baharu yang dikenali sebagai Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia Malaysia atau Malaysian Administrative Modernisation and Manpower Planning Unit (MAMPU). Bidang rujukannya pada ketika itu adalah seperti berikut:

- i. Bertanggungjawab dalam perancangan pemodenan tadbiran dan memberi perkhidmatan perundingan kepada semua agensi perkhidmatan awam
- ii. Membangun serta menyelaraskan proses perancangan dan kemajuan tenaga manusia.

Walau bagaimanapun, pada tahun 1986 hasil daripada penyusunan semula, MAMPU telah diarah untuk memberi penekanan kepada usaha-usaha pemodenan dalam bidang pentadbiran sebagai pakar runding pengurusan oleh kerajaan.

Pada tahun 1986, nama MAMPU telah diubah kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia atau Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit selaras dengan objektif untuk membawa perubahan dalam pentadbiran awam bagi meningkatkan mutu, kecekapan dan keberkesanan pentadbiran sejajar dengan keperluan negara.

MAMPU was established based on a report entitled "Development Administration in Malaysia" by Prof. John D. Montgomery and Milton J. Esman. This report acknowledged the need to upgrade the field of professionalism in the public service through educational and training programmes.

Based on the recommendations in the report, the Development Administrative Unit (DAU) was established in 1966 with the aim to spearhead administrative reforms in the government. Later, the DAU's jurisdiction was expanded and it was renamed Implementation Coordination and Development Administrative Unit (ICDAU). It was tasked to coordinate the implementation of development projects and the planning of human resources in the public sector.

In line with the rapid and dynamic growth of the public service, ICDAU was later restructured in 1977. The role of administrative modernisation and human resource planning was then handed over to a new agency known as the Malaysian Administrative Modernisation and Manpower Planning Unit (MAMPU). The terms of reference for MAMPU at the time were as follows:

- i. Administrative modernisation planning and management consultation for all civil service agencies
- ii. Developing and coordinating human resource planning

However in 1986, MAMPU was tasked to focus its efforts on administrative modernisation, as the management consultant by the government.

MAMPU was then renamed as the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit in 1986 and was tasked to improve the quality, efficiency, and effectiveness of public administration. The element of human resource planning was handed over to another public sector agency.

Punca Kuasa Sources of Authority

- Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969
• *Ministerial Functions Act 1969*
- Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007
• *Electronic Government Activities Act 2007*
- Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2000: Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan
• *General Circular No. 3 of 2000: Government's Information Technology and Communication Security Framework*
- Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2006: Penguatan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan
• *General Circular No. 2 of 2006: Strengthening the Governance of Government IT and Internet Committee*
- Surat Pekeliling Am Bilangan 9 Tahun 1977: Penubuhan Unit Pemodenan dan Perancangan Tenaga Manusia
• *General Circular Letter No. 9 of 1977: Establishment of Human Resources Modernisation and Planning Unit*



Pihak Berkepentingan Stakeholders

- Perdana Menteri
• *The Prime Minister*
- Jemaah Menteri
• *The Cabinet*
- Ketua Setiausaha Negara
• *Chief Secretary to the Government*
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri
• *Minister in The Prime Minister's Department*

Pelanggan Customers

- Perdana Menteri/ Jemaah Menteri/ Ketua Setiausaha Negara
• *The Prime Minister/ The Cabinet/ Chief Secretary to the Government*
- Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan (Persekutuan dan Negeri)
• *Ministries/ Departments/ Government Agencies (Federal and State)*
- Sektor Swasta/ Komuniti Perniagaan
• *Private Sector/ Business Communities*
- Orang Ramai/ Rakyat
• *Citizens*





01

YBrs. Dr. Suhazimah binti Dzazali, Timbalan Ketua Pengarah (ICT) telah menerima Anugerah ASEAN CIO AWARDS dan dinobatkan sebagai salah seorang Ketua Pegawai Maklumat paling cemerlang bagi tahun 2016 di Ho Chi Minh City, Viet Nam pada 1 Disember 2016.

Dr. Suhazimah binti Dzazali, Deputy Director-General (ICT) has been awarded the ASEAN CIO AWARDS and honoured as one of the most outstanding Chief Information Officers in 2016 at Hochiminh City, Viet Nam on 1st December 2016.

02

YBrs. Tuan Haji Mohd Shahabuddin bin Omar, Timbalan Ketua Pengarah (TPP) telah menerima Anugerah Pegawai Contoh Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak bagi kategori Pengurusan Tertinggi Tahun 2016.

Mr. Mohd Shahabuddin bin Omar Deputy Director-General (TPP) has been awarded the Sarawak State Civil Service Exemplary Officer Award for 2016 Top Management Category.

Penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat warga MAMPU seperti senarai berikut:
Receiver of honorary orders/ star/ medal are as follow:

BIL. NO.	DARJAH KEBESARAN/BINTANG/ PINGAT HONORARY ORDERS/STAR/MEDAL	PENERIMA RECEIVER
1.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI KELANTAN Darjah Dato' Paduka Mahkota Kelantan (D.P.M.K.)	YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman Ketua Pengarah MAMPU, Gred Turus III Pejabat Ketua Pengarah MAMPU
2.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN Johan Setia Mahkota (J.S.M)	YBrs. Dr. Suhazimah binti Dzazali Timbalan Ketua Pengarah (ICT), Gred Utama B Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (ICT)
3.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN Johan Setia Mahkota (J.S.M.)	YBrs. Dr. Zulkefli bin Ibrahim Pengarah, Gred Utama C Bahagian Dasar Transformasi (BDT)
4.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT PULAU PINANG Darjah Johan Negeri (D.J.N.)	YBrs. Dr. Tan Yit Quin Perunding ICT, Gred Khas C Bahagian Perundingan ICT (BPI)
5.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN Kesatria Mangku Negara (K.M.N.)	Puan Norhayati binti Abdullah Timbalan Pengarah, Gred F54 Bahagian Perundingan ICT (BPI)
6.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W.)	Puan Maznum binti Mohd. Arif Ketua Penolong Pengarah Kanan, Gred F52 Bahagian Pembangunan Aplikasi (BPA)
7.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN Ahli Mangku Negara (A.M.N.)	Puan Rohiza binti Ahmad Pakar ICT, Gred F52 Bahagian Perundingan ICT (BPI)
8.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI KEDAH Ahli Mahkota Kedah (A.M.K.)	Puan Siti Hawa binti Mahadi Gred F54 Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur Dan Keselamatan ICT (BPG)

BIL. NO.	DARJAH KEBESARAN/BINTANG/PINGAT HONORARY ORDERS/STAR/MEDAL	PENERIMA RECEIVER
9.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI MELAKA Bintang Cemerlang Melaka (B.C.M.)	Puan Siti Nurliza binti Mokhtar Pakar ICT, Gred F54 Bahagian Perundingan ICT (BPI)
10.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI MELAKA Bintang Cemerlang Melaka (B.C.M.)	Encik Faizal Azmir bin Abd Rashid Pengaruh, Gred M54 Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
11.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT PERSEKUTUAN Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.)	Puan Norrani binti Abu Pembantu Tadbir (Kewangan), Gred W22 Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
12.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI MELAKA Bintang Khidmat Terpuji (B.K.T.)	Encik Wan Zulhazmi bin Wan Yusof Penolong Pengarah Kanan, Gred M44 Pejabat Ketua Pengarah MAMPU
13.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI MELAKA Pingat Bakti Masyarakat (P.B.M.)	Encik Shahin bin Ibrahim Pemandu Kenderaan, Gred H11 Pejabat Ketua Pengarah MAMPU
14.	DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT NEGERI MELAKA Pingat Bakti Masyarakat (P.B.M.)	Encik Muhammad Amir bin Hamzah Pemandu Kenderaan, Gred H11 Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

Manakala seorang pegawai MAMPU telah menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) Jabatan Perdana Menteri tahun 2016 iaitu Puan Norhayati binti Abdullah, Timbalan Pengarah, Gred F54 dari Bahagian Perundingan ICT.

Mrs. Norhayati binti Abdullah, Deputy Director, Grade F54 from ICT Consultancy Division, MAMPU received the 2016 Prime Minister Department Excellent Service Medal (P.P.C.).

04

MAMPU telah menerima Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2016.

MAMPU has been awarded the HRMIS Key Performance Indicator Excellence Award for the Year 2016.

05

MAMPU telah mencapai tahap cemerlang 5 bintang dalam Penarafan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan bagi tahun 2016 oleh Jabatan Audit Negara.

MAMPU has achieved 5 stars in Financial Management Accountability Index Rating for the Year 2016 by the National Audit Department.





03

Profil Kepimpinan Leadership Profile

**YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim
bin Seman**

Ketua Pengarah MAMPU
Director-General Of MAMPU



03- 8872 3001



03- 8888 3163



zainalrahim@mampu.gov.my



YBrs. Dr. Suhazimah binti Dzazali

Timbalan Ketua Pengarah
(Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
*Deputy Director-General (Information and
Communications Technology)*

- ☎ 03-8872 3010
- 📠 03-8889 3044
- @ suhazimah@mampu.gov.my



YBrs. Tuan Haji Mohd Shahabuddin bin Omar

Timbalan Ketua Pengarah
(Transformasi dan Pemodenan Pengurusan)
*Deputy Director-General (Management
Transformation and Modernisation)*

- ☎ 03- 8872 3007
- 📠 03- 8888 3163
- @ shahabuddin@mampu.gov.my



Sektor Pengurusan Management Sector



1 ▶ Saiful Yazan bin Alwi

Pengarah Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat
Director of Planning and Corporate Communications Division



03-8872 3130



03-8888 3566



saifulyazan@mampu.gov.my

2 ▶ Yusliza binti Mohd Yusof

Pengarah Bahagian Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC)
Director of 1Malaysia One Call Centre (1MOCC)



03-800 8002



03-8000 8000



yusliza@1mocc.gov.my

3 ▶ Faizal Azmir bin Abd Rashid

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Director of Management Services Division



03- 8872 3001



03- 8888 3163



zainalrahim@mampu.gov.my

4 ▶ Dr. Zulkefli bin Ibrahim

Pengarah Bahagian Dasar Transformasi
Director of the Transformation Policy Division



03-8872 3185



03-8888 3721



zulkefli@mampu.gov.my

5 ▶ Boniface Basin Nyirop

Ketua Penolong Pengarah Unit KPI
Principal Assistant Director of KPI Unit



03-8872 5017



03-8888 3721



boniface@mampu.gov.my

6 ▶ Suliana binti Sirajuddin

Ketua Unit Integriti
Head of Integrity Unit



03- 8872 3001



03- 8888 3163



zainalrahim@mampu.gov.my

Sektor ICT ICT Sector



1 ▶ **Norhamimah binti Ibrahim**
Pengarah Bahagian Pembangunan
Strategik dan Arkitektur ICT
*Director of ICT Strategic and
Architecture Development Division*

☎ 03-8872 3110
📠 03-8318 4412
@ hamimah@mampu.gov.my

2 ▶ **Jaafar bin Ahmad**
Pengarah Bahagian Pembangunan
Aplikasi
*Director of Application Development
Division*

☎ 03-8872 5161
📠 03-8318 2162
@ jaafar@mampu.gov.my

3 ▶ **Kathirrasan a/l Kupusamy**
Pengarah Bahagian Perundingan
ICT
Director of ICT Consultancy Division

☎ 03-8872 3015
📠 03-8318 4414
@ kathirrasan@mampu.gov.my

4 ▶ **Abdul Latif bin Ismail**
Pengarah Bahagian Pembangunan
Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan
Keselamatan ICT
*Director in ICT Infrastructure, Shared Services
and Security Development Division*

☎ 03-8872 6227
📠 03-8318 4409
@ abdullatif@mampu.gov.my

5 ▶ **Dr. Yusminar binti Yunus**
Pengarah Bahagian Kerajaan Digital
*Director of Digital Government
Division*

☎ 03-8872 5037
📠 03-8318 4409
@ yusminar@mampu.gov.my

Sektor TPP TPP Sector



1 ▶ **YBrs. Dr. Dusit a/k Jaul**
Pegarah MAMPU Sarawak
Director of MAMPU Sarawak

☎ 03-8872 3110
☎ 03-8318 4412
@ hamimah@mampu.gov.my

2 ▶ **Kalibaskaran a/l Muniandy**
Pegarah Bahagian Perundingan
Pengurusan 2
*Director of Management Consultancy
Division 2*

☎ 03-8872 5161
☎ 03-8318 2162
@ jaafar@mampu.gov.my

3 ▶ **Dr. Salmah binti Ishak**
Pegarah Bahagian Perundingan
Pengurusan 1
*Director of Management Consultancy
Division 1*

☎ 03-8882 6225
☎ 03-8888
@ salmahishak@mampu.gov.my

4 ▶ **Lornie Enggong**
Pegarah MAMPU Sabah
Director of MAMPU Sabah

☎ 088-488 200
☎ 088-488 214
@ lornie@mampu.gov.my

5 ▶ **Ooi Seong Kang**
Pegarah Bahagian Penyelidikan
Pengurusan
*Director of Management Research
Division*

☎ 03-8872 3154
☎ 03-8888 5145
@ osk.mampu@1govuc.gov.my

Pasukan Perunding ICT Sektor Awam Tahun 2016
Public Sector ICT Consultancy Team 2016



Kathirrasan a/l Kupusamy
Ketua Perunding (Pembangunan Sistem) Bahagian Perundingan ICT
Principal ICT Consultant (System Development) ICT Consultancy Division
+603 8872 3015
kathirrasan@mampu.gov.my



Dr. Mohamad Zainuddin bin Mat Taib
Ketua Perunding (Strategis ICT) Bahagian Perundingan ICT
Principal ICT Consultant (ICT Strategic) ICT Consultancy Division
+603 8872 6280
zainuddi@mampu.gov.my



Salmah binti Khairuddin
Ketua Perunding (Teknikal ICT) Bahagian Perundingan ICT
Principal ICT Consultant (ICT Technical) ICT Consultancy Division
+603 8872 3017
salmah@mampu.gov.my



Susie Dorai Raj
Perunding ICT (Strategis ICT) Bahagian Perundingan ICT
ICT Consultant (ICT Strategic) ICT Consultancy Division
+603 8872 5047
susied@mampu.gov.my



Sophia binti Hashim
Perunding ICT (Teknikal ICT) Bahagian Perundingan ICT
ICT Consultant (ICT Technical) ICT Consultancy Division
+603 8872 7427
sophia@mampu.gov.my

Pasukan Perunding ICT Sektor Awam Tahun 2016
Public Sector ICT Consultancy Team 2016



Khairuddin bin Yahaya
Perunding ICT (Teknikal ICT)
Bahagian Perundingan ICT
ICT Consultant (ICT Technical)
ICT Consultancy Division
+603 8872 3225
khairuddin@mampu.gov.my



Dr. Tan Yit Quin
Perunding ICT (Strategis ICT)
Bahagian Perundingan ICT
Principal ICT Consultant (ICT Strategic)
ICT Consultancy Division
+603 8872 6263
yqtan@mampu.gov.my



Azih bin Yusof
Perunding ICT (Pembangunan Sistem)
Bahagian Perundingan ICT
ICT Consultant (System Development)
ICT Consultancy Division
+603 8872 3023
azih@mampu.gov.my



Ahmad bin Osman
Perunding ICT (Teknikal ICT)
Bahagian Perundingan ICT
ICT Consultant (ICT Technical)
ICT Consultancy Division
+603 8872 6263
ahos@mampu.gov.my



Noraini binti Ab Rahim
Perunding ICT (Pembangunan Sistem)
Bahagian Perundingan ICT
ICT Consultant (System Development)
ICT Consultancy Division
+603 8872 5105
norainir@mampu.gov.my



04

*Misiatif Utama
Main Initiatives*

PENGGUBALAN DASAR BERKENAAN PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN, DAN PEMBANGUNAN ICT DALAM SEKTOR AWAM
FORMULATING POLICIES ON ADMINISTRATIVE MODERNISATION AND MANAGEMENT PLANNING, AND ICT DEVELOPMENT IN THE PUBLIC SECTOR

Pada tahun 2016, MAMPU telah menghasilkan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam dan Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah MAMPU seperti berikut:

- i. Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam (PTPA) Bilangan 1 Tahun 2016 mengenai Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif; dan
- ii. Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah MAMPU Bilangan 2 Tahun 2016 mengenai Panduan Rasionalisasi Pekeliling MAMPU

In 2016, MAMPU published Public Administrative Transformation Circular Administrative Direction of Director-General of MAMPU as follows:

- i. Public Administrative Transformation Circular (PTPA) Number 1 of 2016 on Cultivating and Strengthening Innovation in the Public Sector through New Horizon of the Innovative and Creative Group; and*
- ii. Administrative Direction of Director-General of MAMPU Number 2 of 2016 on MAMPU Guidelines for Circular Rationalisation*



MENGURUSETIAKAN MESYUARAT-MESYUARAT UTAMA MAMPU MAMPU AS SECRETARIAT FOR ALL MAJOR MEETINGS

Mesyuarat Panel Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA) dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara. Keanggotaan panel ini terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Pengarah Jabatan Persekutuan terutamanya agensi pusat. Panel MPA ini berperanan sebagai mekanisme tadbir urus pemerkasaan keupayaan institusi dan pementapan kapasiti agensi sektor awam.

Tumpuan mesyuarat berfokus kepada tujuh (7) bidang utama penyampaian perkhidmatan yang berasaskan kepada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) seperti berikut:

- i. pentadbiran tanah;
- ii. pendidikan;
- iii. kesihatan;
- iv. kemudahan asas;
- v. makanan dan perumahan;
- vi. pengangkutan awam; dan
- vii. perkhidmatan baharu agensi barisan hadapan

Pada tahun 2016, Mesyuarat Panel MPA telah bersidang sebanyak dua (2) kali:

- i. Mesyuarat Panel MPA Bilangan 1 Tahun 2016 pada 30 Mac 2016; dan
- ii. Mesyuarat Khas Panel MPA 2016 pada 8 September 2016

Harmonising the Public Service Panel Meeting (MPA) is chaired by the Chief Secretary to the Government of Malaysia. The members of this meeting are Secretary-General of Ministries and Director-General of Federal Agencies, especially central agencies. MPA Panels functions as governance mechanism in strengthening institutional capability and empowering capacity for the public sector agencies.

The meeting emphasise seven (7) key areas of service delivery under the National Key Result Areas (NKRA) as bellow:

- i. Land Administration
 - ii. Education
 - iii. Health
 - iv. Basic Facilities
 - v. Food and Housing
 - vi. Public Transportation
 - vii. New Service of Frontline Agencies
- In 2016, this meeting was held twice:

- i. MPA Panel Meeting No 1 of 2016 on 30 Mac 2016
- ii. Special MPA Panel Meeting on 8 September 2016

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pemodenan Pentadbiran Awam (JPPPA)

dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MAMPU dengan keahlian terdiri daripada Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kementerian dan Timbalan-timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri. Mesyuarat berjadual ini diadakan sebanyak dua (2) kali setahun.

JPPPA sejak penubuhannya pada tahun 2008 merupakan salah satu inisiatif MAMPU berbentuk tabdir urus yang bertindak sebagai platform bagi agensi saling berkongsi idea, pengalaman dan sumber agar dapat diadaptasikan berdasarkan peranan dan keperluan agensi masing-masing bagi menzahirkan inisiatif yang keberberhasilan tinggi demi untuk kesejahteraan rakyat.

Mesyuarat JPPPA telah dianjurkan sebanyak dua (2) kali seperti berikut:

- i. Bilangan 1 Tahun 2016 pada 30 Mei 2016; dan
- ii. Bilangan 2 Tahun 2016 pada 28 November 2016

The Coordination Committee on Public Administration Modernisation Meeting (JPPPA)

chaired by Director-General of MAMPU with members consisting of Deputy Secretary-General of Ministry and Deputy Secretary of States. JPPA is scheduled twice a year between MAMPU and Deputy Secretaries General of Ministry and Deputy Secretaries of State.

Since its inception in 2008, JPPPA is one of MAMPU's initiative that functions as a platform for inter-agency to share ideas, experiences and resources that can be adapted based on the roles and needs of each agency which results in high outcome initiatives for the welfare of the people.

The meeting was held twice (2), as follows:

- i. No 1 of 2016 on 30 May 2016; and*
- ii. No 2 of 2016 on 28 November 2016*



PUSAT PANGGILAN 1MALAYSIA (1MOCC)

Perkhidmatan Pusat Panggilan 1Malaysia (1Malaysia One Call Centre atau ringkasnya 1MOCC) adalah usaha Kerajaan untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan dan komunikasi di antara rakyat dengan agensi Kerajaan.

Sehingga Disember 2016, 1MOCC telah menerima sejumlah 5,131,177 juta transaksi sejak mula beroperasi pada 12 November 2012. Hampir 98.61% daripada transaksi yang diterima adalah melalui saluran panggilan 03-80008000, manakala selebihnya adalah melalui saluran bukan panggilan (khidmat pesanan ringkas, e-mel, Facebook, Twitter, portal dan faks).

Memandangkan kecenderungan pelanggan untuk menghubungi 1MOCC melalui saluran panggilan, maka penetapan tahap perkhidmatan yang optimum diperlukan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan 1MOCC sentiasa dapat memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan. Penetapan tersebut merangkumi dua (2) aspek utama iaitu:

- i. **Penetapan tahap pencapaian perkhidmatan (service level agreement) 90% dan ke atas panggilan dijawab dalam tempoh 20 saat pertama.**
Penetapan SLA 1MOCC sebanyak 90% iaitu melebihi sasaran kebanyakan pusat panggilan dari dalam dan luar negara (80%-85% dalam masa 20 saat-60 saat) adalah bagi memastikan panggilan pelanggan dijawab dalam tempoh yang singkat dan cepat. Purata pencapaian SLA 1MOCC telah melebihi 90% dari tahun 2013 sehingga 2016 seperti berikut:

Tahun	2013	2014	2015	2016
Purata SLA	94.07%	99.58%	96.07%	98.87%

- ii. **Penetapan tahap kepuasan pelanggan 80% dan ke atas**
Tahap kepuasan pelanggan 1MOCC dinilai melalui kajian indeks kepuasan pelanggan (CSI) yang dijalankan setiap suku tahun. Pelaksanaan CSI ini dibuat melalui kaedah persampelan rawak pemanggil yang telah menggunakan perkhidmatan 1MOCC dan hasil kajian dibuat melalui kaedah skala Likert. Persampelan sebanyak 1000 responden dibuat untuk setiap sebulan melalui panggilan telefon kepada pelanggan 1MOCC.

1MALAYSIA ONE CALL CENTRE (1MOCC)

1Malaysia One Call Centre or commonly known as 1MOCC is a government initiative in strengthening service and communication delivery between public and the government.

As of December 2016, 1MOCC has received 5,131,177 transactions since its inception in 12 November 2012. Almost 98.61% transactions occurs via one single call number which is 03-80008000 while the rest are through other mediums such as short messaging services, e-mail, Facebook, Twitter, portal and fax.

Given the tendency for customers to use call channel when calling 1MOCC, thus a determined service optimisation level is required to ensure 1MOCC's service delivery meets customer needs and requirement. The determined includes the following two (2) important aspects:

- i. **90% and above service level agreement (SLA) determination on calls answered within the first 20 seconds.**

The 90% SLA target much higher in comparison to other internal and external call centres (80% - 85% between 20 - 60 seconds) is to ensure that all calls are answered fast within limited time. On average SLA achievement of 1MOCC exceeded 90% between 2013 and 2016 as follows:

Year	2013	2014	2015	2016
Average SLA	94.07%	99.58%	96.07%	98.87%

- ii. **80% and above customer satisfaction level determination**

1MOCC's customer satisfaction level is measured through Customer Satisfaction Index (CSI) research conducted on each quarter of the year. CSI uses random sampling method from the caller listing who have used 1MOCC services, while Likert Scale is used to produce the outcome of the research. In general, each month, 100 respondents are selected from the enlisted callers for this purpose.

1MOCC's CSI outcome from 2013 till 2015 shows consistent increase as follows:

Hasil kajian CSI 1MOCC dari tahun 2013 sehingga 2016 telah menunjukkan peningkatan pencapaian secara konsisten seperti berikut:

Tahun	2013	2014	2015	2016
Purata SLA	82.19%	84.74%	86.24%	91.68%

Year	2013	2014	2015	2016
Average SLA	82.19%	84.74%	86.24%	91.68%



Model Operasi 1MOCC Versi 2.0

Sejak penubuhan, 1MOCC telah melaksanakan beberapa penambahbaikan perkhidmatan terutamanya dalam aspek penyelesaian pertanyaan di peringkat 1MOCC dan jumlah panggilan tidak berjawab (PTB) di peringkat agensi dengan memperkenalkan perkhidmatan secara kluster dalam Model Operasi 1MOCC Versi 2.0 mulai 21 April 2015. Melalui perkhidmatan kluster, 1MOCC telah memberi fokus kepada sasaran untuk memberi penyelesaian terhadap permintaan pelanggan sekurang-kurangnya 50% daripada panggilan yang diterima.

Impak yang terhasil setelah pelaksanaan Model Operasi 1MOCC Versi 2.0 adalah peningkatan tahap penyelesaian permintaan/pertanyaan pelanggan melebihi 50% daripada jumlah transaksi di beberapa agensi utama.

1MOCC Operating Model Version 2.0

Since the inception, 1MOCC has undertaken several measures to improvise its services, especially in resolving inquiry issues and unattended calls at agency level by introducing service cluster in Operational Model Version 2.0 in 21 April 2015. Through the cluster service, 1MOCC has focused on the goal to provide solutions to customer requests at least 50% of the calls received.

The resulting impact after the implementation of the Operational Model 1MOCC Version 2.0 is an increased level of completion of requests/queries of customers exceeds 50% of total transactions in a number of key agencies

SITI@1MOCC

1MOCC mengambil satu langkah ke hadapan dalam memantapkan saluran *omnichannel* yang sedia ditawarkan dengan melancarkan aplikasi mudah alih yang diberi nama SITI@1MOCC.

SITI bermaksud "Saya Ingin Tahu Informasi" membolehkan orang ramai menyalurkan sebarang pertanyaan, aduan dan cadangan yang berkaitan dengan perkhidmatan kerajaan di seluruh agensi / kementerian melalui aplikasi mudah alih tunggal. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi SITI@1MOCC melalui Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia atau *Gallery of Malaysian Government Mobile Applications (GAMMA)* melalui aplikasi *Google Play Store* dan *Apple App Store*.

Peluasan 1MOCC

1MOCC sedang merancang memperluaskan perkhidmatan 1MOCC merangkumi agensi lain di peringkat persekutuan dan negeri sejajar dengan kehendak *stakeholders* yang mahukan sistem penyampaian sebegini diperluaskan. 1MOCC telah mengadakan sesi libat urus dengan hampir kesemua negeri. Sementara itu, pelaksanaannya akan dijalankan mengikut kesesuaian setiap negeri.

SITI@1MOCC

1MOCC took one step forward in strengthening the existing omnichannels offered by launching a mobile application called SITI@1MOCC.

SITI can be deciphered as I am Keen to Know (Saya Ingin Tahu) enables public to channel any inquiries, complaints and suggestions with regard to government services in agencies/ministries through a single mobile application. The public can download SITI@1MOCC via Gallery of Malaysian Government Mobile Applications (GAMMA) using Google Play Store and Apple App Store.

Expansion of 1MOCC

1MOCC is planning to expand its services to include other agencies at the federal and state governments in line with the needs of stakeholders who seek extension for such delivery system. 1MOCC is in engagement with the entire country whereby implementation will be carried out according to the suitability of each state.

















“Sehingga Disember 2016, 1MOCC telah menerima sejumlah 5,131,177 transaksi dari mula beroperasi pada 12 November 2012”

“As of December 2016, 1MOCC has received 5,131,177 transactions since its inception in 12 November 2012”

**Jumlah Transaksi Tahun 2016
(1 Januari 2016 - 22 September 2016)**


**Total transaction in 2016
(1 January 2016 - 22 September 2016)**

Kategori	Saluran
55.64% Pertanyaan	99.66% 
44.12% Bantuan Direktori	 
0.17% Aduan	 
0.07% Maklum Balas	 

Category	Channel
55.64% Inquiry	99.66% 
44.12% Directory	 
0.17% Complaints	 
0.07% Feedback	 

Transaksi panggilan 1MOCC dari 1 Januari hingga 22 September 2016

1MOCC call transactions from 1st January 2016 until 22nd September 2016



PRESTASI PENGGUNAAN *DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM (DDMS)* DI MAMPU UNTUK TAHUN 2016

Di MAMPU, DDMS adalah medium utama dalam urusan pengurusan rekod. Memasuki tahun kedua pelaksanaannya, tahap penerimaan dan penggunaan DDMS dalam kalangan warga MAMPU semakin meningkat. Melalui penggunaan DDMS, warga MAMPU dapat mengakses rekod di mana sahaja tanpa mengira masa.

Menyedari keperluan untuk memenuhi kehendak semasa pengguna, fungsi DDMS telah dipertingkatkan dan dijenamakan sebagai DDMS2.0. MAMPU menjadi agensi pertama menggunakan DDMS2.0 mulai 1 September 2016. Mengekalkan semua fungsi sedia ada, DDMS2.0 membolehkan pengguna mengakses melalui telefon pintar, mempunyai antara muka yang lebih menarik serta kaedah meminit arahan yang lebih mudah.

Kejayaan pelaksanaan DDMS2.0 di MAMPU menjadi penanda aras untuk sistem ini diperluaskan ke kementerian dan agensi kerajaan yang lain. Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 34 Kementerian dan Agensi telah menggunakan DDMS2.0 sebagai inisiatif ke arah pengurusan rekod kerajaan yang efisien.

STATISTIK PENGGUNAAN DDMS

VERSI DDMS	TEMPOH PENGGUNAAN	JUMLAH PENGGUNA	JUMLAH REKOD DITAWAN
DDMS	1 Januari – 31 Ogos 2016	441 pengguna	11,742 rekod
DDMS 2.0	1 September – 31 Disember 2016	445 pengguna	5,427 rekod

DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM (DDMS) PERFORMANCE IN MAMPU FOR 2016

In MAMPU, DDMS is the main medium for records management. Entering second year of implementation, the level of acceptance and engagement of DDMS in MAMPU is increasing positively. By using DDMS, users can access records anywhere and anytime.

Recognising the necessity in meeting customer's requirement, the DDMS function has been enhanced and rebranded as DDMS2.0. MAMPU was the first agency to implement DDMS2.0, effective from 1st September 2016. Maintaining all the existing functions, DDMS2.0 enables user accessibility via smartphones, besides attractive interface and an easy method to minute instructions.

The successful implementation of DDMS2.0 in MAMPU is a benchmark for expansion to other Ministry and government agencies. As of 31st December 2016, thirty four (34) ministries and agencies have implemented DDMS2.0 as part of their initiative towards efficient government records management.

DDMS USAGE STATISTICS

<i>DDMS VERSION</i>	<i>DURATION</i>	<i>NUMBER OF USER</i>	<i>TOTAL OF RECORDS CAPTURED</i>
<i>DDMS</i>	<i>1 January – 31 August 2016</i>	<i>441 user</i>	<i>11,742 record</i>
<i>DDMS 2.0</i>	<i>1 September – 31 December 2016</i>	<i>445 user</i>	<i>5,427 record</i>

Data Dictionary Sektor Awam (DDSA)

Data Dictionary Sektor Awam (DDSA) menetapkan keterangan data yang standard untuk diguna pakai oleh agensi-agensi sektor awam. Pada tahun 2016, empat (4) mesyuarat DDSA telah diadakan merangkumi Mesyuarat Kumpulan Kerja dan Mesyuarat Jawatankuasa. Di samping itu, satu Bengkel Pengukuhan Data Dictionary Sektor Awam (DDSA) telah diadakan pada 3 Ogos 2016 melibatkan ahli pelaksana DDSA bertujuan untuk mengenalpasti halatuju DDSA dan pelan tindakan yang perlu dibangun dan dilaksanakan.

Rasionalisasi Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2002 Penggunaan Dan Pemakaian Data Dictionary Sektor Awam (DDSA) Sebagai Standard Di Agensi-Agensi Kerajaan telah dilaksanakan pada 16 November 2016 bertujuan menggantikan pekeliling yang lama secara menambah baik kandungan dan membangunkan pekeliling baharu. Pekeliling baharu DDSA dijangka diterbitkan pada tahun 2017.


Pengurusan Sistem DDSA dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2016 yang merangkumi pengurusan akaun pengguna dan data serta pengurusan penambahbaikan sistem. Statistik pendaftaran pengguna sistem DDSA mengikut bulan dalam tahun 2016 adalah seperti di Rajah 1.

Public Sector Data Dictionary (DDSA)

Public Sector Data Dictionary (DDSA) designates standard data description to be adopted by public sector agencies. In 2016, four (4) meetings were held, namely Working Group Meetings and Committee Meetings. In addition, a Workshop for Public Sector Data Dictionary (DDSA) was held on August 3, 2016, involving members of the DDSA Working Groups with the objective to formulate the way forward for DDSA and action plans to be developed and implemented.

Rationalisation of General Circular No. 2 Year 2002 "Application and Use of Public Sector Data Dictionary (DDSA) As Standard In Government Agencies" was held on 16 November 2016 aimed to replace the old circular in order to improve content and develop new circular. The new DDSA circular is expected to be published in 2017.

The DDSA system was continuously managed throughout 2016 which includes user accounts and data management as well as system improvements. DDSA system user registration statistics by month in 2016 is shown in Figure 1.



Rajah 1 : Pendaftaran Pengguna Sistem DDSA bagi tahun 2016
Figure 1: DDSA System User Registration for the year 2016

Enterprise Architecture Sektor Awam

Enterprise Architecture (EA) Sektor Awam dilaksanakan dengan mengadaptasikan pelan induk 1GovEA yang telah dibangunkan pada tahun 2015. Pelaksanaan EA dapat merealisasikan strategi organisasi merentasi domain bisnes, data, aplikasi dan teknologi (BDAT) untuk mendapat faedah konvergen dan penjajaran strategi bisnes dan ICT; serta pengukuhan kolaboratif merentas agensi melalui perkongsian maklumat, perkhidmatan, data dan infrastruktur.

Projek EA Sektor Awam Fasa 1 telah bermula pada November 2015 dan dijangka siap pada Mei 2017. Projek ini memberi tumpuan kepada pembangunan EA secara rintis di MAMPU dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pembangunan keupayaan EA dan pelaksanaan program pengurusan perubahan seperti di Rajah 2.

Sepanjang tahun 2016, pembangunan EA MAMPU dan KPKT merangkumi landskap arkitektur di peringkat strategik yang dijangka menyumbang kepada pemahaman terhadap nilai tambah dalam aktiviti bisnes; pemahaman fungsi dan sistem kerja melibatkan teknologi dalam menyokong aktiviti bisnes; dan penggunaan semula komponen teknologi dan proses kerja bisnes dalam semua perkhidmatan kerajaan. Platform EA telah dibangunkan bagi menyokong pembangunan EA yang merangkumi sistem, repositori dan portal 1GovEA (1govea.mampu.gov.my) serta Model Rujukan EA bagi domain BDAT.

Pembangunan keupayaan pasukan EA telah dilaksanakan dengan meningkatkan kemahiran 60 Arkitek EA melalui 199 pensijilan dalam pelbagai domain. Sebanyak 15 jenis latihan EA melibatkan 377 tempat telah dihadiri oleh 98 pelaksana dan pembangun EA di MAMPU dan KPKT.

Sementara itu sebanyak tiga (3) siri Bengkel Pengurusan Perubahan telah diadakan pada Mei, Julai dan Oktober melibatkan 228 orang dari pelbagai Kementerian/Agensi Sektor Awam termasuk juga penglibatan dalam CIO CONVEX 2016 pada 22-23 November 2016. Taklimat mengenai pelaksanaan EA Sektor Awam juga telah diberikan kepada pihak pengurusan tertinggi lapan (8) Kementerian/Agensi untuk meningkatkan kefahaman mengenai EA. Empat (4) infoblast mengenai EA Sektor Awam juga telah diedarkan kepada semua Kementerian/Agensi.

Public Sector Enterprise Architecture


Public Sector Enterprise Architecture (EA) is implemented by adopting 1GovEA Blueprint that was developed in 2015. The EA implementation can realise the organisation's strategy across the business domain, data, applications and technology (BDAT) by harvesting the benefits from convergence and alignment of business strategy and ICT; and the strengthening of cross-agency collaboration through the sharing of information, services, and infrastructure data.

The Public Sector EA Phase 1 Project which began in November 2015 and to be completed in May 2017. This project focuses on pilot EA development for MAMPU and Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government (KPKT). Capacity building of EA and the implementation of change management programme as shown in Figure 2.

In 2016, EA development for MAMPU and KPKT consists of enterprise landscape at strategic level and is expected to contribute towards understanding of added value in business activities; understanding of functions and work system that involves technology in supporting the business activities; and re-use of technological component and business work process in all government service. EA platform was developed to support EA development which includes systems, repository and portal 1GovEA (1govea.mampu.gov.my) as well as EA Reference Model for BDAT domain.

Capability development for EA team was implemented by raising skills of sixty (60) EA Architects via one hundred and nineteen (119) certifications of various domains. Fifteen (15) courses which accumulated to three hundred seventy seven (377) seats, have been attended by ninety eight (98) EA implementers and developers in MAMPU and KPKT.

Meanwhile, three (3) series of Change Management Workshop was held in May, July and October which involved two hundred and twenty eight (228) participants from various Ministries/public sector agencies, inclusive of participation in CIO CONVEX 2016 from 22-23 November 2016. Briefing on implementation of Public Sector EA was also conducted to top management of eight (8) Ministry/Agency to further enhance EA knowledge. Four (4) InfoBlast about EA Public Sector also has been circulated to all Ministries/Agencies.



Rajah 2: Perjalanan Fasa 1 EA Sektor Awam
Figure 2: The Journey of Phase 1 Public Sector EA



Panel Pembentang sesi 'Empowering Enterprise Architect to Lift Digital Business Strategy' semasa Public Sector Chief Information Officer Convention And Exhibition (CIO CONVEX) 2016
Panel Speakers of 'Empowering Enterprise Architect to Lift Digital Business Strategy' session during Public Sector Chief Information Officer Convention And Exhibition (CIO CONVEX) 2016

SISTEM eRATING

Sistem eRating merupakan satu inisiatif Kerajaan untuk membolehkan pelanggan menilai dan memberi penarafan terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh petugas kaunter. Sistem ini dibangunkan secara dalaman oleh MAMPU menggunakan perisian sumber terbuka yang boleh dicapai oleh pelanggan melalui tablet eRating di kaunter.

Hasil pelaksanaan sistem eRating akan membantu agensi-agensi Sektor Awam untuk:

- Mentransformasikan kaedah penilaian kepuasan pelanggan dari sistem manual ke sistem elektronik;
- Meningkatkan ketelusan dalam kaedah penilaian kepuasan pelanggan;
- Meningkatkan keberkesanan kaedah penilaian

eRATING SYSTEM

eRating System is one of the government initiative for customer to evaluate and rate the quality of the services provided by the counter staff through online system. This system was developed in-house using open source software by MAMPU and used by customers via tablets at the service counter.

The implementation of the eRating System will help government agencies:

- Transforming the customer satisfaction ratings from a manual system to an electronic system;
- Increasing transparency in customer satisfaction evaluation methods;
- Improving the effectiveness of customer satisfaction ratings by reducing the time, cost, labour and the procedures involved Improving the reliability of the information and various

- kepuasan pelanggan melalui pengurangan masa, kos, tenaga kerja dan prosedur yang terlibat;
- iv. Meningkatkan kebolehpercayaan maklumat dan pelbagai laporan dapat dijana secara *realtime* dan dalam talian; dan
 - v. Mewujudkan budaya mesra pelanggan di kalangan petugas kaunter.

- reports can be generated in real-time;
- iv. Creating a customer-friendly culture among counter staff.

Rajah 2: Perjalanan Fasa 1 EA Sektor Awam

Tahap Penilaian	Responden	Peratus
Cemerlang	353,185	87.93%
Memuaskan	31,998	7.97%
